

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]

TARIKH : 29 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN WONG LING BIU [SARIKEI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan menyatakan berapakah cukai luar jangka (*Windfall Tax*) telah dikutip oleh Kerajaan dari sektor kelapa sawit pada 2 tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *windfall profit levy* dengan izin atau kutipan levi keuntungan luar biasa pada masa ini hanya dikenakan ke atas pengeluaran buah tandan segar kelapa sawit berdasarkan paras ambang harga pasaran minyak sawit mentah (atau CPO) secara bulanan yang dikeluarkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia. Levi hanya dikenakan ke atas keuntungan yang melebihi paras ambang harga CPO.
2. Bagi Semenanjung, levi dikenakan pada kadar 3 peratus sekiranya harga CPO melebihi paras ambang 2,500 ringgit se tan, manakala bagi Sabah dan Sarawak, levi pada kadar 1.5 peratus dikenakan apabila harga CPO melebihi paras ambang 3,000 ringgit se tan.
3. Kerajaan telah mengutip hasil levi keuntungan luar biasa sebanyak 209 juta ringgit pada tahun 2020. Manakala bagi tempoh Januari sehingga Jun 2021, jumlah levi keuntungan luar biasa yang telah dikutip adalah sebanyak 588 juta ringgit. Peningkatan hasil kutipan levi yang ketara pada tahun ini adalah berikutan lonjakan harga purata bulanan CPO di pasaran yang dipengaruhi oleh pelbagai faktor termasuk stok minyak sawit yang rendah, pengurangan pengeluaran CPO dan peningkatan eksport produk sawit tempatan. Kutipan levi dijangka terus meningkat bagi tempoh setengah tahun kedua 2021 memandangkan peningkatan harga purata bulanan CPO masih berterusan.

Sekian, terima kasih.